



D.R. 20/99

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Jualan Dadah 1952.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Jualan Dadah (Pindaan) 1999.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Jualan Dadah 1952 [*Akta 368*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memotong perkataan "(1)" yang terdapat sebelum perkataan "In this Act";

(b) dengan menggantikan takrif "drug" dengan takrif yang berikut:

* "drug" includes any substance, product or article intended to be used or capable, or purported or claimed to be capable, of being used on humans or any animal, whether internally or externally, for a medicinal purpose;'

(c) dengan memasukkan selepas takrif "inspector" takrif yang berikut:

' "medicinal purpose" means any of the following purposes:

- (a) alleviating, treating, curing or preventing a disease or a pathological condition or symptoms of a disease;
- (b) diagnosing a disease or ascertaining the existence, degree or extent of a physiological or pathological condition;
- (c) contraception;
- (d) inducing anaesthesia;
- (e) maintaining, modifying, preventing, restoring, or interfering with, the normal operation of a physiological function;
- (f) controlling body weight;
- (g) general maintenance or promotion of health or well-being;'; dan

(d) dalam takrif ' "sale" or "sell" ', dengan memotong perkataan ", and refers only to sale for human consumption or use".

Pindaan seksyen 9

3. Subseksyen 9(4) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "effect of this Act shall be liable" dengan perkataan "effect the provisions of this Act commits an offence and shall be liable on conviction".

Pindaan seksyen 10

4. Seksyen 10 Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (4).

Penggantian seksyen 12

5. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 12 dengan seksyen yang berikut:

"General penalty, 12. (1) Subject to subsection (2), any person who commits an offence against this Act or any regulation made under this Act for which no penalty is expressly provided shall be liable on conviction to a fine not exceeding twenty-five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both, and for a second or subsequent offence he shall be liable on conviction to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both.

(2) Any body corporate who commits an offence against this Act or any regulation made under this Act for which no penalty is expressly provided shall be liable on conviction to a fine not exceeding fifty thousand ringgit, and for a second or subsequent offence it shall be liable on conviction to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit."

Pindaan seksyen 17

6. Seksyen 17 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "human" di mana-mana jua terdapat perkataan "or animal".

Pindaan seksyen 23

7. Subseksyen 23(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "the fact" perkataan "that".

Pindaan seksyen 26

8. Perenggan 26(1)(k) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "the fine, not exceeding one thousand ringgit," dengan perkataan "a fine not exceeding fifty thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding five years or both".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Jualan Dadah 1952 ("Akta 368") untuk memperluas ruang lingkup Akta 368 kepada apa-apa bahan, hasil atau barang yang dimaksudkan untuk digunakan atau yang berupaya untuk digunakan pada haiwan, dan untuk menambah penalti yang diperuntukkan dalam Akta 368.

2. Bagi mencapai maksud peluasan ruang lingkup Akta 368 kepada apa-apa bahan, hasil atau barang yang dimaksudkan untuk digunakan atau yang berupaya untuk digunakan pada haiwan, adalah dicadangkan, dalam *fasal 2*, supaya takrif "drug" dalam seksyen 2 Akta 368 dipinda dan takrif baru, iaitu takrif "medicinal purpose", ditambahkan kepada seksyen itu. Adalah juga dicadangkan, dalam *fasal 6*, supaya seksyen 17 Akta 368 dipinda untuk memasukkan sebutan tentang makanan atau kegunaan haiwan. Pada masa ini, seksyen 17 hanya menyebut makanan dan kegunaan manusia.

3. Bagi mencapai maksud penambahan penalti di bawah Akta 368, adalah dicadangkan, dalam *fasal 5*, supaya seksyen 12 Akta 368 dipinda supaya penalti am bagi pesalah individu ditambah daripada denda sebanyak lima ratus ringgit kepada denda maksimum sebanyak dua puluh lima ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh maksimum tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama, dan denda maksimum sebanyak lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh maksimum lima tahun bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya. Bagi pertubuhan perbadanan adalah dicadangkan supaya jumlah denda maksimum digandakan.

4. *Fasal 4* Rang Undang-Undang bertujuan memansuhkan subseksyen 10(4) Akta 368 yang mengandungi penalti bagi pelanggaran seksyen itu. Dengan pemansuhan ini, penalti am yang dicadangkan dalam *fasal 5* adalah terpakai bagi kesalahan terhadap seksyen 10.

5. Cadangan lain bagi maksud penambahan penalti di bawah Akta 368 terkandung dalam *fasal 8*. Adalah dicadangkan supaya penalti bagi pelanggaran peraturan yang dibuat di bawah Akta 368 ditambah daripada denda satu ribu ringgit kepada denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

6. Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang ini, iaitu dalam *fasal 3* dan *7* dan dalam *perenggan 2(a)*, adalah pindaan-pindaan untuk membetulkan kesalahan cetakan yang kecil dalam Akta 368.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2038]